

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 29 TAHUN 2007**

---

**PERUBAHAN SKIM-SKIM PERKHIDMATAN KAUNSELOR DAN  
PENOLONG KAUNSELOR KEPADA SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PSIKOLOGI DAN PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim-skim perkhidmatan Kaunselor Gred S41, S44, S48, S52 dan Penolong Kaunselor Gred S27, S32, S38 yang telah diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Pembangunan modal insan kini menjadi agenda utama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) oleh kerajaan dalam melahirkan tenaga manusia yang mahir dan berpengetahuan dengan minda kelas pertama. Sehubungan itu, kerajaan telah mendapati keperluan aspek psikologi dan kaunseling di dalam pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam untuk memperkasakan modal insan ke tahap optimum.

Mengambil kira bidang kaunseling adalah merupakan satu cabang psikologi, maka skim perkhidmatan Kaunselor sedia ada diperluaskan skop fungsi tugasnya untuk merangkumi bidang psikologi, psikologi klinikal dan kaunseling.

3. Berikutan dengan perluasan skop dan fungsi tugas serta peranan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam memantapkan pengurusan modal insan di dalam perkhidmatan awam, kerajaan bersetuju supaya skim-skim perkhidmatan Kaunselor dan Penolong Kaunselor diubah sewajarnya dari segi nama skim perkhidmatan dan syarat lantikan.

#### **SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PSIKOLOGI DAN PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI**

4. Perubahan yang telah dipersetujui oleh kerajaan ke atas skim perkhidmatan Kaunselor adalah seperti berikut:

- (a) nama skim perkhidmatan Kaunselor diubah kepada Pegawai Psikologi;
- (b) gred skim perkhidmatan Pegawai Psikologi ialah Gred S41, S44, S48, S52, S54;
- (c) memperuntuk Gred Utama/ Gred Khas;
- (d) syarat lantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi ialah:
  - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T7); atau

- (iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T10);

- dan (v) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

- (e) perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkuat kuasa adalah **dikekalkan**.

## **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi**

5. Perubahan yang telah dipersetujui oleh kerajaan bagi skim perkhidmatan Penolong Kaunselor adalah seperti berikut:

- (a) nama skim perkhidmatan Penolong Kaunselor diubah kepada Penolong Pegawai Psikologi;
- (b) gred skim perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi ialah Gred S27, S32, S38; dan
- (c) perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkuat kuasa adalah **dikekalkan**.

6. Skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi adalah seperti di **Lampiran A dan A1** manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B dan B1**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6 dan C7** manakala Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran D, D1, D2, D3, D4, D5, D6 dan D7**.

7. Mulai tarikh kuat kuasa skim-skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi hendaklah menggunakan skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S41, S44, S48, S52, S54 dan Penolong Pegawai Psikologi Gred S27, S32, S38 dan syarat-syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **PELAKSANAAN**

8. Semua Kaunselor Gred S41, S44, S48, S52 dan Penolong Kaunselor Gred S27, S32, S38 yang dilantik secara tetap termasuk mereka yang dalam tempoh percubaan serta

memilih opsyen Sistem Saraan Malaysia adalah layak diberi opsyen untuk ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi seperti berikut:

**(a) Skim Perkhidmatan Kaunselor**

- (i) Kaunselor Gred S41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S41;
- (ii) Kaunselor Gred S44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S44;
- (iii) Kaunselor Gred S48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S48; dan
- (iv) Kaunselor Gred S52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S52.

**(b) Skim Perkhidmatan Penolong Kaunselor**

- (i) Penolong Kaunselor Gred S27 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi Gred S27;
- (ii) Penolong Kaunselor Gred S32 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi Gred S32; dan
- (iii) Penolong Kaunselor Gred S38 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi Gred S38.

9. Ketua Jabatan/ Perkhidmatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Kaunselor Gred S41, S44, S48, S52 dan Penolong Kaunselor Gred S27, S32, S38 mengikut keperluan dan kesesuaian.

### **PEMBERIAN OPSYEN**

10. Dengan pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/ Perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada Kaunselor dan Penolong Kaunselor bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi ke gred-gred yang berkenaan seperti di perenggan 8.

11. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai tidak memilih untuk ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi dan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Kaunselor dan Penolong Kaunselor bertaraf tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;

- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 12, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh asal opsyen telah tamat.

15. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai yang dilantik secara sementara, peminjaman, kontrak, sambilan atau pekerja khidmat singkat.

16. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti berikut:

- (a) **Kaunselor**
  - (i) Lampiran E - Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan;
  - (ii) Lampiran E1 - Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan; dan
  - (iii) Lampiran E2 - Borang Opsyen.

(b) **Penolong Kaunselor**

- (i) Lampiran E3 - Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan;
- (ii) Lampiran E4 - Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan; dan
- (iii) Lampiran E5 - Borang Opsyen.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

17. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Kaunselor dan Penolong Kaunselor ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi adalah ditetapkan seperti berikut:

- a) Kaunselor yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru;
- b) Kaunselor yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- c) Kaunselor yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan **ijazah sarjana** dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf



dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai matagaji permulaan P1T7 pada tarikh kuat kuasa pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke gaji permulaan P1T7 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T7 di gred jawatan baru;

- d) Kaunselor yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan **ijazah sarjana** dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai matagaji permulaan P1T7 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T7 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T7 di gred jawatan baru;
- e) Kaunselor yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan **ijazah doktor falsafah** dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai matagaji permulaan P1T10 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T10 supaya gaji yang

diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T10 di gred jawatan baru;

- f) Kaunselor yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan **ijazah doktor falsafah** dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai matagaji permulaan P1T10 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T10 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T10 di gred jawatan baru;
- g) Penolong Kaunselor yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru; dan
- h) Penolong Kaunselor yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

18. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

19. Secara terperinci, penetapan gaji permulaan bagi Kaunselor dan Penolong Kaunselor yang ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi bagi setiap gred adalah seperti berikut:

#### **Skim Perkhidmatan Kaunselor**

(a) **Kaunselor Gred S41**

- (i) Kaunselor Gred S41 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di Peringkat 1 (P1) Pegawai Psikologi Gred S41;
- (ii) Kaunselor Gred S41 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Psikologi Gred S41 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

**(b) Kaunselor Gred S44**

- (i) Kaunselor Gred S44 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Psikologi Gred S44 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

**(c) Kaunselor Gred S48**

- (i) Kaunselor Gred S48 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Psikologi Gred S48 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

**(d) Kaunselor Gred S52**

- (i) Kaunselor Gred S52 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Psikologi Gred S52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P)

berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

### **Skim Perkhidmatan Penolong Kaunselor**

#### **(a) Penolong Kaunselor Gred S27**

- (i) Penolong Kaunselor Gred S27 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Penolong Pegawai Psikologi Gred S27;
- (ii) Penolong Kaunselor Gred S27 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Psikologi Gred S27 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

#### **(b) Penolong Kaunselor Gred S32**

- (i) Penolong Kaunselor Gred S32 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Psikologi Gred S32 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada

satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(c) **Penolong Kaunselor Gred S38**

- (i) Penolong Kaunselor Gred S38 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Psikologi Gred S38 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

20. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

21. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran F, F1, F2, F3 dan F4.**

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

22. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

23. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru itu ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

24. Pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi ini tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim-skim perkhidmatan ini.

25. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

## **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

26. Kaunselor dan Penolong Kaunselor yang ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi ke gred-gred yang berkenaan, **boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat** berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Selain daripada itu, pegawai yang telah melepasi Tahap Kecekapan yang diperlukan bagi mana-mana komponen PTK atas jawatan asal tidak perlu menduduki semula komponen berkenaan. Sebaliknya pegawai hanya perlu menduduki mana-mana komponen PTK yang belum melepasi Tahap Kecekapan yang ditetapkan di jawatan baru.

## **HADIAH PERGERAKAN GAJI**

27. Pegawai Psikologi Gred S41 yang telah memperolehi kelayakan ijazah sarjana atau ijazah doktor falsafah dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling semasa dalam perkhidmatan adalah layak dipertimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) mengikut peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan **Bilangan 2 Tahun 1995**.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

28. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

**(a) Pihak Berkuasa Melantik**

- (i) menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

**(b) Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

- (i) menyampaikan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S41, S44, S48, S52, S54 dan Penolong Pegawai Psikologi Gred S27, S32, S38 kepada pegawai terlibat. Contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2, E3, E4 dan E5**;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;



- (iii) mengemaskini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan **dua (2) salinan** borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dan satu (1) lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan sama ada menerima atau menolak opsyen tawaran ini dalam **tempoh 30 hari** mulai tarikh surat tawaran.

**TARIKH KUAT KUASA**


29. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2008**.

## **PEMAKAIAN**

30. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Kaunselor Gred S41, S44, S48, S52 dan Penolong Kaunselor Gred S27, S32, S38 yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 hanya kekal untuk menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini.

31. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

**4** Disember 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PSIKOLOGI**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2008

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred S41</b>	:	P1T1 RM1688.89	-	P1T27 RM4638.89
		P2T1 RM1783.51	-	P2T27 RM4917.16
		P3T1 RM1882.31	-	P3T27 RM5219.23
<b>Gred S44</b>	:	P1T1 RM2976.03	-	P1T14 RM4929.67
		P2T1 RM3294.69	-	P2T14 RM5411.22
<b>Gred S48</b>	:	P1T1 RM4348.05	-	P1T8 RM5770.17
		P2T1 RM4779.42	-	P2T8 RM6318.44
<b>Gred S52</b>	:	P1T1 RM4894.91	-	P1T8 RM6317.03
		P2T1 RM5359.67	-	P2T8 RM6898.69
<b>Gred S54</b>	:	P1T1 RM5159.29	-	P1T8 RM6714.97
		P2T1 RM5615.70	-	P2T8 RM7330.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T7); atau

- (iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T10);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

- 4. Pegawai Psikologi Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

- 5. Pegawai Psikologi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

- 6. Pegawai Psikologi Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

- 7. Pegawai Psikologi Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pegawai Psikologi hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Psikologi Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S44 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Psikologi Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S48 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Psikologi Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Psikologi Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED YANG LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Psikologi Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2008

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred S27</b>	:	P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
		P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.25
		P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
<b>Gred S32</b>	:	P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
		P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96
<b>Gred S38</b>	:	P1T1	RM3001.40	-	P1T11	RM4439.78
		P2T1	RM3211.64	-	P2T11	RM4911.67

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);

(Keutamaan lantikan akan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman mengenai masalah-masalah kemasyarakatan dan mempunyai kemahiran bertutur dalam bahasa Cina, Tamil dan lain-lain bahasa yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh kerajaan).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Penolong Pegawai Psikologi Gred S27 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Penolong Pegawai Psikologi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Penolong Pegawai Psikologi Gred S27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Penolong Pegawai Psikologi Gred S27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Penolong Pegawai Psikologi hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S32**
9. Penolong Pegawai Psikologi Gred S27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Psikologi Gred S32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S38**
10. Penolong Pegawai Psikologi Gred S32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Psikologi Gred S38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PSIKOLOGI**

11. Penolong Pegawai Psikologi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2(3)].



FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Psikologi  
(b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial

2. Jadual Gaji

Jadual Gaji Matriks

Gred S41	:	P1T1 RM1688.89	-	P1T27 RM4638.89
		P2T1 RM1783.51	-	P2T27 RM4917.16
		P3T1 RM1882.31	-	P3T27 RM5219.23
Gred S44	:	P1T1 RM2976.03	-	P1T14 RM4929.67
		P2T1 RM3294.69	-	P2T14 RM5411.22
Gred S48	:	P1T1 RM4348.05	-	P1T8 RM5770.17
		P2T1 RM4779.42	-	P2T8 RM6318.44
Gred S52	:	P1T1 RM4894.91	-	P1T8 RM6317.03
		P2T1 RM5359.67	-	P2T8 RM6898.69
Gred S54	:	P1T1 RM5159.29	-	P1T8 RM6714.97
		P2T1 RM5615.70	-	P2T8 RM7330.00

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T7); atau

- (iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang psikologi atau psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T10);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

- : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- : (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Psikologi adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Psikologi  
(b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial

2. Jadual Gaji

Jadual Gaji Matriks

Gred S27	:	P1T1 RM1204.55	-	P1T26 RM3027.10
		P2T1 RM1274.13	-	P2T26 RM3213.25
		P3T1 RM1346.73	-	P3T26 RM3405.26
Gred S32	:	P1T1 RM2413.04	-	P1T13 RM3592.76
		P2T1 RM2623.28	-	P2T13 RM3911.96
Gred S38	:	P1T1 RM3001.40	-	P1T11 RM4439.78
		P2T1 RM3211.64	-	P2T11 RM4911.67

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau

